

## Pilihanraya kecil Gemencheh

# CALON BN DIDUGA BERJAYA

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

PREMBAN, Ahad — Barisan Nasional dijangka tidak akan menghadapi sebarang masalah untuk mempertahankan kerusi Negeri Gemencheh dalam pilihanraya kecil yang akan berlangsung pada 22 Mei ini.

Dengan kejayaan ini, Barisan Nasional yang sudah pun merangkul 21 daripada 25 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Sembilan dalam pilihanraya umum baru lalu akan menambahkan bilangan kerusinya kepada 22 buah.

Barisan Nasional yang meletakkan seorang calon muda, Enik Waad

Haji Mansor, 26, telah menduduki kerusi tersebut sejak tahun 1959.

Enik Waad ialah pengeluar sebuah maktab swasta di Gemas dan telah menjadi anggota UMNO sejak enam tahun lalu dan kini menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO cawangan Kampung Air Rawa, Gemencheh.

DAP yang meletakkan calonnya, Enik Lee Kong Chon, 33, seorang mekanik, dan PAS pula meletakkan Ustaz Mohamad Ali Napih Ismail, 36, Ketua Dewan Ulama Negeri dan calon Bebas Enik Lassim Haji Pitus, seorang bekas pengurus ladang di Trengganu dijangka

tidak akan memberi tentangan hebat kepada calon Barisan Nasional.

### Saingan

Enik Lee bagaimanapun, telah mengumumkan untuk menarik diri dari pilihanraya kecil itu — yang diadakan berikutan kematian calon asal Barisan, Datuk Taha Talib pada 14 April lalu akibat ditembak — dan ini mengurangkan saingan yang perlu dihadapi oleh Barisan Nasional.

Penarikan diri Enik Lee juga akan mengurangkan sedikit sebanyak perpecahan undi khususnya di kalangan pengundi Cina-Kawasan tersebut

mempunyai 13,583 pengundi berdaftar.

Tentangan dari PAS pula dilihat bukan sebagai satu ancaman terhadap calon BN kerana parti itu dikatakan tidak mempunyai pengaruh dan sokongan yang kuat di negeri ini apatah lagi di kawasan Gemencheh.

Dalam pilihanraya umum bulan lalu, PAS meletakkan 11 orang calon bertanding untuk merebut kerusi Negeri tetapi semuanya gagal malah tiga dari mereka kehilangan wang per taruhan.

Namun demikian, parti itu belum mahu mengaku tewas dan sedang giat menjalankan

kempen untuk memancing undi.

Strateginya untuk merebut kerusi itu termasuklah menurunkan beberapa orang tokoh besar parti termasuk Yang Dipertua Agungnya, Datuk Mohamad Asri Haji Muda memberi ceramah.

### Terbukti

Para pemerhati politik bagaimanapun, menganggap harapan PAS menang begitu tipis memandangkan Barisan Nasional mempunyai jentera malah sokongan yang kuat daripada rakyat dan ini telah pun terbukti dalam pilihanraya umum lalu.

Mereka berpendapat, PAS tidak akan berpeluang merebut kerusi itu kerana Barisan pasti akan menumpukan seluruh kekuatan tenaga dan jenteranya untuk memastikan kemenangan calonnya.

Kalangan pemerhati politik itu menduga calon Bebas, Enik Lassim juga tidak akan berpeluang memenangi kerusi tersebut.

Penyertaannya dalam pilihanraya itu, menurut mereka, tidak sedikit pun menjejalkan peluang BN untuk menang, apatah lagi kerana para pengundi sudah pun memahami hakikat bahawa seorang wakil rakyat Bebas tidak boleh menjalankan tugas dengan berkesan dan tidak akan mampu membawa pembangunan. — Bernama.